



**MINORITY SHAREHOLDERS WATCH GROUP**  
BADAN PENGAWAS PEMEGANG SAHAM MINORITI BERHAD  
(Incorporated in Malaysia . Registration No. 200001022382 (524989-M))

# The Observer

11.03.2022

**MSWG akan mengadakan webinar untuk pelabur runcit bertajuk "Menambah peluang untuk menang dalam pasaran saham" dan "Perkembangan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) 2021" bermula jam 8.00 malam pada 28 Mac 2022 (Isnin). Sila layari <https://bit.ly/3CvqVeR> untuk pendaftaran dan maklumat lanjut.**

❖ **Syarikat awam tersenarai (public limited companies, PLC) perlu ketepi budaya operasi secara silo, tetapi dipacu oleh matlamat dan prestasi**

Garisan sempadan antara pasaran modal nampaknya semakin menipis. Hubungan yang akrab antara sebuah pasaran dengan yang lain ibarat mencubit paha kanan, paha kiri turut terasa. Sesuatu perkara yang berlaku ke atas sesebuah pasaran modal, tempiasnya turut dirasai oleh pasaran modal yang lain. Itulah harga sebuah globalisasi yang perlu dibayar sebagai warga perkampungan sejagat.

Contohnya ialah bagaimana dua peristiwa penting yang berlaku sejak kebelakangan ini memberi kesan yang buruk terhadap prestasi pasaran saham dunia, tanpa mengira ekonomi maju, ekonomi sedang pesat membangun atau ekonomi mundur.

Peristiwa pertama ialah penularan wabak COVID-19 pada suku pertama 2020 yang secara besar-besaran memusnahkan prestasi pasaran saham global ke satu tahap yang belum pernah dilihat sejak Krisis Kewangan Global 2008 atau Krisis Kewangan Asia 1997. Seseengah ahli ekonomi menyamakan "Kemelesetan COVID-19" atau "Zaman Penutupan" dengan Zaman Meleset pada tahun 1930-an.

Belum pun sempat krisis kesihatan global menghela nafas lega, pasaran saham sejagat telah dihujani 'peluru berpandu' malapetaka geopolitik yang berpunca daripada rentetan krisis Rusia-Ukraine yang semakin memuncak, yang menyaksikan pencerobohan tentera Rusia ke atas Ukraine pada 24 Februari.

Peristiwa ini menggegarkan pasaran saham sejagat dari Amerika Syarikat ke Eropah hinggalah kepada ekonomi sedang pesat membangun. Ia turut mencetuskan tekanan inflasi yang serius dengan harga komoditi yang melambung tinggi, terutama minyak dan minyak sawit mentah (*crude palm oil, CPO*).

Minyak mentah Brent sejak kebelakangan ini melonjak hampir kepada AS\$140 setong, menghampiri paras tertinggi sepanjang masa (penanda aras minyak Eropah ini mencecah harga rekodnya pada AS\$147.50 setong pada Julai 2008). Harga niaga hadapan minyak sawit mentah pula melonjak melebihi RM8,000 setan metrik apabila

pengguna bergegas mendapatkan bekalan minyak berikutan kekurangan minyak bunga matahari yang disebabkan oleh krisis Rusia-Ukraine.

Berlatarkan kerentanan yang tidak dapat dijangka, bursa tempatan dan penerbit tersenarai perlu bersiap siaga menghadapi cabaran di masa hadapan dengan melengkapkan diri dengan langkah yang padu bagi memastikan kemampuan entiti masing-masing. Mereka juga perlu meningkatkan daya tahan dan tahu menyesuaikan diri sekiranya berhadapan gangguan dalam usaha untuk memanfaatkan pelbagai peluang dalam ekonomi baharu.

### **Program Transformasi Syarikat Awam Tersenarai (*Public Limited Companies, PLC*)**

Dalam senario global yang tidak menentu seperti yang digambarkan oleh pandemik COVID-19 dan ketegangan geopolitik, perniagaan perlu kekal tangkas dalam landskap ekonomi yang sangat mencabar pada hari ini dan pada masa yang sama berusaha tanpa lelah untuk fokus terhadap hasil yang mampan.

Oleh yang demikian, memang tepat pada masanya Bursa Malaysia melancarkan Program Transformasi Syarikat Awam Tersenarai (*Public Limited Companies Transformation Programme, PLCTP*) bagi meningkatkan prestasi Korporat Malaysia dengan menambah daya tarikan syarikat senarai awam (PLC) di Malaysia. Program Transformasi PLC ini akan berlangsung sehingga 2025.

PLCTP bertujuan memacu semula pertumbuhan PLC di Malaysia tanpa mengira saiz organisasi dengan menambah baik daya tarikan dan naratif pertumbuhan mereka. Pada asasnya, program ini bakal menjadi pemangkin kepada PLC supaya mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi melalui perkongsian amalan dan pandangan terbaik, meningkatkan pembabitan serta amalan ketelusan yang lebih tinggi.

Selain itu, hasilnya juga bakal dijadikan pemangkin untuk meningkatkan daya saing pasaran Bursa Malaysia supaya setanding bursa saham lain di rantau ini.

Teras Program Transformasi PLC ini dimuatkan dalam lima buku panduan digital yang dibangunkan dengan memberikan tumpuan kepada prinsip utama berikut:

- Memupuk PLC yang didorong oleh matlamat dan prestasi;
- Membangun sebagai organisasi yang mampan, bertanggungjawab secara sosial dan beretika;
- Memperkukuh pengurusan pihak berkepentingan dan hubungan pelabur;
- Menggalakkan penggunaan digital; dan
- Menyumbang ke arah pembinaan negara secara menyeluruh.

Pelancaran PLCTP juga menyaksikan pelancaran buku panduan digital pertama program itu yang bertajuk "Mewujudkan Syarikat Awam Tersenarai yang Dipacu Matlamat dan Prestasi" ("Creating Purpose and Performance Driven Public Listed Companies") yang kini boleh dimuat turun di laman web Bursa Malaysia. Semua buku panduan digital akan dikeluarkan pada 2022.

Pada majlis pelancaran program itu, Menteri Kewangan Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz menyatakan bahawa PLC merupakan antara pemacu utama dalam membina ekonomi Malaysia yang berdaya tahan. Oleh yang demikian, pemerkasaan PLC amat

penting bagi meningkatkan daya saing mereka selain menarik minat pelabur dalam pasaran modal tempatan.

Penurunan kadar keuntungan PLC sejak beberapa tahun kebelakangan ini mengetengahkan keperluan yang jelas bagi PLC untuk menjalani transformasi yang bukan sahaja bertujuan meningkatkan prestasi mereka tetapi juga untuk memastikan masa depan mereka cerah memandangkan persaingan global semakin sengit.

Sepanjang program ini, webinar dan libat urus juga akan dilaksanakan untuk menggalakkan dan membantu PLC ke arah prestasi kewangan yang mampan dan teguh.

Walaupun Program Transformasi PLC tidak bersifat preskriptif, usaha dan kemajuan PLC akan dipantau melalui papan pemuka digital bagi menggalakkan ketelusan dan keberkesanan pencapaian demi mendapatkan hasil yang diharapkan.

### **Kesimpulan**

Memang mudah untuk bersikap sinis tentang Pelan Transformasi PLC dan pembangunan lima buku panduan digital ini. Namun, agak memalukan jika kita tidak berfikiran terbuka dengan mengubah tanggapan yang pernah difikirkan sebelum ini. Apa yang perlu dilakukan oleh PLC ialah meneliti buku panduan sewaktu ia dikeluarkan, kerana pasti ada sesuatu yang boleh dimanfaatkan oleh mereka.

Jika pengarah mempunyai kekangan masa untuk membaca, Lembaga Pengarah perlu berinisiatif dengan mengemukakan pembentangan kepada mereka tentang kandungan buku panduan ini. Cara ini mungkin lebih mudah untuk mereka hadam.

Kami berharap agar PLC akan dipandu dengan sewajarnya oleh buku panduan ini bagi membolehkan mereka menyampaikan prestasi yang lebih baik serta menambah baik penglibatan dengan pihak berkepentingan.

Usaha sebegini pastinya meningkatkan daya tarikan PLC, lebih-lebih lagi apabila isu seperti alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) dengan pantas menjadi unsur yang semakin ditekankan dalam kalangan pelabur global.

Bagi Bursa Malaysia pula, ia adalah peluang untuk merebut kembali kedudukan sebagai salah sebuah destinasi pelaburan pilihan yang utama.

**Devanesan Evanson**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

---

### **Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 14 hingga 18 Mac 2022**

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di [www.mswg.org.my](http://www.mswg.org.my)

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
15.03.22 (Selasa) 10.00 pagi	LKL International Berhad (AGM)	Rosot nilai dan hapus kira yang ketara menyebabkan LKL mengalami kerugian bersih berjumlah RM51.6 juta pada tahun kewangan 2021. Meskipun terlibat dalam perniagaan penjagaan kesihatan, syarikat tidak turut merasai kerancakan perniagaan yang dinikmati oleh pemain penjagaan kesihatan lain sewaktu pandemik COVID-19. Untuk tahun kewangan 2022, syarikat dijangka mencatatkan prestasi yang lebih baik kerana permintaan untuk produk penjagaan kesihatan dijangka meningkat sejajar dengan pandemik yang masih belum berakhir.
15.03.22 (Selasa) 10.30 pagi	Anzo Holdings Berhad (AGM)	<p>Kerugian bersih Anzo melonjak kepada RM24.33 juta pada tahun kewangan 2021, berbanding RM9.07 juta dalam tempoh kewangan 14 bulan berakhir 30 September 2020. Jualan juga mencatatkan penurunan ketara, iaitu RM29.9 juta berbanding RM57.2 juta dalam tempoh kewangan sebelumnya.</p> <p>Pendapatan yang menyusut pada tahun kewangan 2021 adalah disebabkan oleh jualan yang rendah daripada bahagian jualan sekerap logam berjumlah RM3.2 juta, berbanding RM36.7 juta pada tahun kewangan 2020. Kerugian rosot nilai ke atas penghutang dagangan dan penghutang lain juga lebih tinggi, iaitu RM21.4 juta berbanding RM7.56 juta pada tahun kewangan sebelum ini.</p>
16.03.22 (Rabu) 10.00 pagi	Sunsuria Berhad (AGM)	Pendapatan Sunsuria pada tahun kewangan 2021 berjumlah RM268.7 juta, iaitu 36.32% lebih tinggi berbanding

		<p>RM197.1 juta yang dicatatkan pada tahun kewangan 2020. Bagaimanapun, keuntungan bersihnya menyusut daripada RM29.1 juta kepada RM21.4 juta disebabkan perbelanjaan mengurus projek Bangsar Hill Park melebihi sumbangan projek kepada pendapatan berikutan kemajuan kerja sedang dalam peringkat awal.</p>
<p>16.03.22 (Rabu) 11.00 pagi</p>	<p>TWL Holdings Berhad (dahulu dikenali sebagai Tiger Synergy Bhd) (EGM)</p>	<p>TWL bercadang untuk mengambil alih 100% kepentingan ekuiti dalam Pembinaan Qaisar Sdn Bhd pada harga RM35 juta, melalui penerbitan 555.555 juta saham dan bakinya RM10 juta tunai.</p> <p>Syarikat juga bercadang untuk melaksanakan tawaran persendirian sebanyak 30% daripada jumlah bilangan saham sedia ada yang diterbitkan kepada pelabur bebas pihak ketiga.</p> <p>Berdasarkan ilustrasi harga terbitan pada 5.22 sen sesaham, TWL dapat mengumpulkan RM40.24 juta untuk membiayai projek pembinaannya.</p>

<b>Perkara penting untuk diketengahkan:</b>	
<b>Syarikat</b>	<b>Perkara/ Isu untuk diketengahkan</b>
<p>LKL International Berhad (AGM)</p>	<p>1. Perbelanjaan Pentadbiran mencatatkan peningkatan ketara kepada RM24.6 juta dalam tempoh kewangan berakhir 2021 berbanding RM11.5 juta pada tempoh kewangan berakhir 2020. (Halaman 60, Laporan Tahunan 2021)</p> <p>Apakah yang menyebabkan peningkatan ini?</p> <p>2. Kerugian rosot nilai ke atas penghutang perdagangan meningkat secara mendadak dalam tempoh kewangan berakhir 2021 kepada RM2.09 juta berbanding RM83.7k pada tahun kewangan 2020. (Halaman 64, Laporan Tahunan 2021)</p>

	<p>a) Apakah yang menyebabkan peningkatan mendadak dalam kerugian rosot nilai?</p> <p>b) Adakah terdapat sebarang jumlah yang berjaya dikutip daripada penghutang perdagangan yang dirosot nilai selepas tempoh kewangan berakhir 2021?</p> <p>c) Dalam keadaan ekonomi yang lemah, adakah syarikat meramalkan peningkatan dalam rosot nilai pada tempoh kewangan berakhir 2022?</p>
<p>Anzo Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Di bawah Perkara Audit Utama, juruaudit luar menegaskan bahawa “penghutang perdagangan dan penghutang lain adalah penting kepada Kumpulan disebabkan jumlahnya iaitu RM92,620,438, mewakili kira-kira 68.6% daripada jumlah aset Kumpulan. Risiko utama yang berkaitan ialah kebolehpulihan penghutang perdagangan dan penghutang lain yang diinvois.” (Halaman 37, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Bagaimanakah Anzo menguruskan penghutangnya bagi mengurangkan risiko yang dinyatakan di atas?</p> <p>2. Terdapat peruntukan kerugian rosot nilai ke atas penghutang lain berjumlah RM20,802,822 pada tahun kewangan 2021 (tahun kewangan 2020: RM1,481,854) (Halaman 44, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>a) Apakah yang menyebabkan lonjakan drastik dalam peruntukan kerugian rosot nilai bagi penghutang lain pada tahun kewangan 2021?</p> <p>b) Adakah jumlah ini dapat dikutip semula? Jika ya, berapakah jangkaan jumlah yang dipulihkan dalam tahun kewangan berakhir 2022?</p> <p>c) Adakah mana-mana daripada penghutang ini telah berjaya dikutip setakat ini?</p> <p>3. Jumlah yuran untuk fungsi audit dalaman Syarikat dalam tahun kewangan berakhir 2021 ialah RM10,000 (Halaman 21, Laporan Tahunan 2021).</p> <p>Memandangkan yurannya agak kecil (kira-kira RM833 sebulan), bagaimanakah jawatankuasa audit memberikan jaminan bahawa terdapat perlindungan yang mencukupi serta fungsi audit yang berkesan? Berapakah jumlah laporan audit dalaman yang dikeluarkan dalam tempoh tersebut?</p>

Sunsuria Berhad (AGM)	<p>Pendapatan sewa dan perbelanjaan langsung Hartanah Pelaburan Kumpulan ("IP") bagi tahun kewangan 2021 dan 2020 ditunjukkan di bawah. (Halaman 159, Laporan Tahunan)</p> <table border="1" data-bbox="587 371 1380 775"> <thead> <tr> <th>RM'000</th> <th>Tahun kewangan 2021</th> <th>Tahun kewangan 2020</th> <th>Meningkat / (menyusut)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Hartanah Pelaburan</td> <td>197,047</td> <td>160,000</td> <td>37,047</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan sewa (1)</td> <td>909</td> <td>875</td> <td>34</td> </tr> <tr> <td>Perbelanjaan langsung (2)</td> <td>913</td> <td>1,013</td> <td>100</td> </tr> <tr> <td>Pendapatan bersih (1-2)</td> <td>(4)</td> <td>(138)</td> <td>134</td> </tr> </tbody> </table> <p>Pendapatan sewa bersih daripada hartanah pelaburan mencatatkan peningkatan, daripada kerugian RM0.138 juta pada tahun kewangan 2020 kepada kerugian RM4,000. Ini disebabkan oleh penambahan hartanah dalam kategori hartanah pelaburan daripada RM160 juta pada tahun kewangan 2020 kepada RM197.05 juta pada tahun kewangan 2021.</p> <p>a) Mengapakah hartanah pelaburan menjana pendapatan yang rendah tetapi mencatatkan perbelanjaan yang tinggi dalam tahun kewangan 2020 dan 2021?</p> <p>b) Apakah langkah yang diambil oleh Kumpulan untuk meningkatkan lagi pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan?</p> <p>c) Berapakah kadar penghunian hartanah pelaburan bagi tahun kewangan 2020 dan 2021?</p> <p>d) Berapakah kadar penghunian hartanah pelaburan pada Disember 2021?</p>	RM'000	Tahun kewangan 2021	Tahun kewangan 2020	Meningkat / (menyusut)	Hartanah Pelaburan	197,047	160,000	37,047	Pendapatan sewa (1)	909	875	34	Perbelanjaan langsung (2)	913	1,013	100	Pendapatan bersih (1-2)	(4)	(138)	134
RM'000	Tahun kewangan 2021	Tahun kewangan 2020	Meningkat / (menyusut)																		
Hartanah Pelaburan	197,047	160,000	37,047																		
Pendapatan sewa (1)	909	875	34																		
Perbelanjaan langsung (2)	913	1,013	100																		
Pendapatan bersih (1-2)	(4)	(138)	134																		
TWL Holdings Berhad (dahulunya dikenali sebagai Tiger Synergy Bhd) (EGM)	Apakah langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko keingkaran pembayaran oleh Harta PMC dan/atau Syarikat Perumahan Negara Berhad, ("SPNB"), atau jika Projek ini ditangguhkan atau digugurkan secara tiba-tiba atas apa jua sebab?																				

#### PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, ([devanesan@mswg.org.my](mailto:devanesan@mswg.org.my))

Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, ([rita.foo@mswg.org.my](mailto:rita.foo@mswg.org.my))

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([norhisam@mswg.org.my](mailto:norhisam@mswg.org.my))

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([chee.meng@mswg.org.my](mailto:chee.meng@mswg.org.my))

Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([elaine.choo@mswg.org.my](mailto:elaine.choo@mswg.org.my))

Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([cianyai@mswg.org.my](mailto:cianyai@mswg.org.my))  
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ranjit.singh@mswg.org.my](mailto:ranjit.singh@mswg.org.my))  
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, ([ooi.benghooi@mswg.org.my](mailto:ooi.benghooi@mswg.org.my))

---

#### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

• Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.

---

#### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.